



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2755 Jalan Sentosa,
86000 Kluang, Johor

Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.600-3/3/1 Jld.4 (33)
Tarikh : 26 Mei 2025

Guru Besar
SJKT Daerah Kluang

Tuan,

HEBAHAN PINDAAN TARIKH KARNIVAL BAHASA TAMIL SEKOLAH RENDAH DAERAH KLUANG TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kluang dan SJKT Jalan Bukit Rengam selaku sekolah pengelola akan meminda tarikh pelaksanaan Karnival Bahasa Tamil Sekolah Rendah peringkat Daerah Kluang. Tarikh baharu tersebut sepertimana ketetapan yang berikut:

Tarikh : 23 Jun 2025 (Isnin)
Masa : 7.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat : SJKT Jalan Bukit Rengam

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama daripada pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada guru dan murid yang terlibat dalam karnival ini untuk menyertai pertandingan yang telah dirancang. Pastikan pelibatan murid mendapat kebenaran ibu bapa/penjaga dan aspek keselamatan, kesihatan serta kebajikan murid menjadi keutamaan pihak sekolah.

4. Untuk makluman, setiap sekolah dikehendaki memberikan sumbangan sepertimana yang telah dipersetujui bersama-sama dalam mesyuarat pengelolaan karnival pada 14 Mei 2025 di SJKT Jalan Bukit Rengam.

5. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Hairul Azuan bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103. Kerjasama tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINUDDIN BIN MD. RAMLAN)
Timbalan PPD Pembangunan Murid
b.p. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang